

KENYATAAN MEDIA

2hb November 2022

Global Bersih: Penghantran undi pos ke luar negara mesti dilakukan secepat mungkin ; kedutaan harus memberi bantuan untuk pengundi luar negara

Global Bersih menggesa dengan tegas Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mencetak dan menghantar undi pos luar negara secepat mungkin kepada pengundi Malaysia di luar negara, bagi membolehkan mereka menegakkan hak mereka untuk mengundi.

Sumber tidak rasmi menganggarkan kira-kira 50,000 rakyat Malaysia di luar negara telah mendaftar sebagai pengundi pos, enam kali lebih berganda daripada jumlah yang didaftarkan semasa PRU14.

Untuk PRU15, hanya ada 14 hari (10 hari bekerja) antara Hari Penamaan Calon dan Hari Mengundi, untuk SPR mengeluarkan dan menghantar undi pos dan untuk pengundi luar negara menerima, menanda dan memulangkan kertas undi mereka. Ini amat mencabar bagi pengundi yang tinggal di negara yang mempunyai masa penghantaran pos yang panjang dari dan ke Malaysia.

SPR harus bertanggungjawab untuk memastikan proses mencetak dan menghantar undi pos ke luar negara dijalankan dengan segera oleh semua pihak yang terlibat. SPR juga harus menggunakan sistem pos yang paling effektif dan yang membolehkan pengundi luar negara untuk menjelak status dan lokasi penghantaran undi pos mereka. Ini adalah amat penting untuk pengundi luar negeri dalam menentukan kaedah paling berkesan untuk mengembalikan undi mereka tepat pada masanya.

Sebilangan besar pengundi luar negara mungkin tidak dapat memulangkan undi mereka melalui perkhidmatan pos biasa dan perlu menggunakan perkhidmatan kurier yang mahal atau menghantarnya dengan menggunakan kaedah-kaedah lain.



Sukarelawan di seluruh dunia sudah mula bergerak untuk membantu pengundi luar negara mencari saksi warganegara Malaysia, dan untuk menyelaraskan pemulangan undi melalui individu yang terbang balik atau perkhidmatan kurier. Global Bersih berkerjasama dengan Global Malaysian Network(GMN) untuk membantu pengundi di luar negara. Sesiapa yang berminat untuk menyertai usaha ini boleh mendaftar di: bit.ly/ge15volunteers.

UndiBanjir, sebuah gabungan NGO di Malaysia, membantu Global Bersih dalam perkara berkenaan logistik tempatan.

Global Bersih memuji Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi yang membantu rakyat Malaysia di negara mereka dalam penyediaan ini. Kami menggesa Kementerian Luar Negeri mengarahkan semua perwakilan Malaysia untuk mengikuti contoh mereka.

Global Bersih ingin mengingatkan orang ramai untuk berwas-was mengenai beberapa berita palsu atas talian tentang proses pengundian pos yang menimbulkan kekeliruan. Sila ambil perhatian bahawa pengundi luar negara akan menerima undi pos terus di alamat mereka dan TIDAK perlu mengambil undi tersebut di kedutaan Malaysia seperti yang disebarluaskan dalam beberapa berita palsu.

Untuk maklumat yang tepat, pengundi pos patut melayari laman web SPR di <https://www.spr.gov.my/>, atau laman web Global Bersih di <https://www.globalbersih.org/> dan menyertai kumpulan Facebook di <https://www.facebook.com/groups/ge15postalvoting/>. Rakyat Malaysia harus mengelak daripada berkongsi atau menyebarkan maklumat yang tidak sah di media sosial. Global Bersih telah menyediakan satu infographik khas untuk pengundi luar negara. (Lampiran 1)

Global Bersih menyeru semua pengundi pos luar negara yang berdaftar untuk cuba mengembalikan kertas undi mereka walaupun terdapat pelbagai halangan dihadapi. Untuk membantu mengatasi halangan ini, Global Bersih menggalakkan dan membantu pengundi luar negara melalui sesi maklumat mengenai proses pengundian pos dan sokongan logistik.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi
Jawatankuasa Pemandu
Global Bersih
nirmala.wind@globalbersih.org
0049 1722389665
Global Bersih
15 Cours des Bastions
CH-1205
Geneva, Switzerland
www.globalbersih.org
facebook.com/GlobalBersih
twitter.com/GlobalBersih